

14 MAY 1999

DR MAHATHIR BERSAMA RAKYAT DI RANAU

RANAU, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk mengadakan pertemuan dengan penduduk di daerah pergunungan ini.

Pertemuan itu adalah sebagai menunaikan janji beliau untuk bersama-sama rakyat di daerah itu setelah beliau tidak dapat berbuat demikian pada 11 Mac lepas, iaitu sehari sebelum pilihan raya negeri pada 12 dan 13 Mac.

Lawatan beliau ketika itu terpaksa dibatalkan ekoran cuaca buruk yang menyebabkan penerbangan beliau dengan helikopter ke sini tidak dapat dilakukan.

Perdana Menteri bagaimanapun dapat juga menyampaikan amanatnya secara langsung kepada penduduk yang sudah sedia berhimpun di Dewan Masyarakat di sini melalui telefon yang kemudian disiarkan secara langsung melalui radio.

Dr Mahathir tiba pagi ini dengan helikopter dan diiringi Ketua Menteri Datuk Osu Sukam.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam dan Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaacob.

Kira-kira 3,000 penduduk hadir pada majlis berkenaan.

-- BERNAMA

TM AKD